



8 Disember 2011  
8 December 2011  
P.U. (B) 594

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC  
PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## KANUN TANAH NEGARA

## PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 736/1959* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Selangor* pada 12 November 1959, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926 [*No. 24/1926*] dan diwakilkan kepadanya, melalui *Warta Kerajaan Negeri Selangor P.W. Sel. 188/1952*, Menteri Besar Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah iaitu No. Lot 68 yang terletak di dalam seksyen 90 Bandar Kuala Lumpur, seluas 5 ekar 3 rud 28 pol dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 21,436 yang sekarang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak bagi sekolah kebangsaan yang disenggarakan oleh Ketua Pegawai Pendidikan Selangor:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah